



Guna perkhidmatan broker insurans, takaful tempatan

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

PERSATUAN Broker-broker Insurans dan Takaful Malaysia (Mitba) meminta syarikat di negara ini menggunakan khidmat broker insurans dan takaful tempatan bagi mengimbangi perkhidmatan itu yang kini lebih banyak ditawarkan broker yang mewakili syarikat insurans asing.

Broker insurans dan takaful adalah ahli profesional bebas berlesen yang diiktiraf Bank Negara Malaysia dan bertanggungjawab mengesyorkan penyelesaian terbaik bagi memenuhi keperluan insurans peribadi atau firma, serta tidak terikat dengan mana-mana syarikat insurans atau takaful.

Pengerusi Mitba, Mohamad Abdullah, berkata ketika ini segmen perniagaan itu dimonopoli broker di kalangan syarikat insurans asing yang biasanya terbabit dalam khidmat nasihat berhubung keperluan insurans lebih khusus dengan nilai perlindungan yang tinggi.

Katanya, broker asing berkenaan biasanya mendapat sokongan kepakaran daripada syarikat insurans induk mereka di luar negara.

"Namun, kepakaran ditawarkan broker saham tempatan perlu juga dipertimbangkan," katanya selepas pelancaran laman web Mitba dan pengumuman penukaran nama Mitba daripada Persatuan Broker-broker Insurans Malaysia (IBAM) berikutan kemasukan broker takaful dalam organisasi itu.

Majlis pelancaran di Kuala Lumpur semalam yang diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-33 Mitba itu, disempurnakan Pengarah Bahagian Amalan Pengguna dan Pasaran, Bank Negara, Koid Swee Lian.

Mohamad berkata, Mitba kini mempunyai 38 ahli dianggotai 29 broker komposit yang menawarkan khidmat rundingan bagi insurans konvensional dan takaful, empat broker takaful dan lima broker insurans konvensional.



MAJLIS RASMI: Mohamad dan Koid melancarkan laman web Mitba dan pengumuman penukaran nama Mitba daripada Persatuan Broker-Broker Insurans Malaysia, semalam.

Daripada komposisi itu, katanya, syarikat broker insurans asing menguasai 85 peratus daripadanya dan bakinya adalah syarikat tempatan.

Beliau berkata, ramai rakyat Malaysia tidak menyedari faedah lebih besar yang boleh diperoleh apabila menggunakan khidmat broker insurans kerana sudah terlalu biasa dengan perkhidmatan ditawarkan oleh ejen.

"Ramai tidak menyedari bahawa broker insurans mampu mengesyorkan penyelesaian insurans yang sesuai dan

“Ramai tidak menyedari bahawa broker insurans mampu mengesyorkan penyelesaian insurans yang sesuai dan murah yang pada kebiasaannya tanpa dikenakan caj tambahan”

Mohamad Abdullah
Pengerusi Mitba

mudah yang pada kebiasaannya tanpa dikenakan caj tambahan," katanya.

Mohamad berkata, ketika ini ejen insurans menguasai 36.9 peratus daripada jumlah premium insurans am bukan motor bernilai RM5.65 bilion.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Mitba dijangka mempunyai set peraturan sendiri bagi mengawal aspek amalan perniagaan dan etika di kalangan ahlinya, menjelang September 2009.

"Kami sedang berunding dengan Bank Negara bagi tujuan itu," katanya.